

Komponen Aluminium

Aluminium akan mengakis jikalau bersentuhan dengan kotoran seperti habuk, lumpur atau garam jalanan. Bersihkan bahagian-bahagian aluminium selalu serta ikut garis panduan berikut untuk mengelakkan calar pada skuter:

- Jangan gunakan berus keras, sabut keluli atau sabun yang kuat.
- Elakkan daripada melalui atau terkena bonggol jalanan.

Panel

Sila ikut garis panduan berikut untuk mengelakkan daripada tercalar:

- Jalankan pembersihan dengan span dan air yang banyak secara lembut.
- Bersihkan kesan kekotoran yang degil, gunakan sabun pembersih yang dicairkan, dan bilas beberapa kali dengan air yang bersih.
- Elakkan daripada terkena minyak petrol, bendalir brek atau sabun pembersih pada peralatan, panel atau lampu hadapan.